

02 MAR 1998

MAHATHIR MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MT UMNO

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) parti, yang antara lain, dijangka membincang cadangan Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan Umno mengenakan tindakan keras kepada anggota parti yang tidak setia.

Sebanyak 20 orang anggota parti didapati bersalah kerana membantu dan bekerjasama dengan pihak lawan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Sungei Bakap, Pulau Pinang November lepas.

Jawatankuasa itu yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden Umno mencadangkan kepada MT supaya memecat tujuh anggota parti yang terlibat, seorang digantung keanggotaannya dan 12 orang diberi amaran keras.

Jawatankuasa itu pada mesyuarat petang tadi juga akan mengemukakan cadangan tindakan ke atas anggota yang melakukan pelbagai kesalahan dalam persidangan perwakilan bahagian dan mesyuarat agung tahunan cawangan.

MT juga akan mempertimbangkan rayuan Ketua Umno Bahagian Kubang Kerian Mat Zin Awang yang dilucut haknya untuk bertanding sebarang jawatan dalam parti, menjadi anggota perwakilan ke Persidangan Perwakilan Bahagian dan perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno Jun depan. Persidangan Perwakilan Bahagian ditetapkan antara 12 hingga 29 Mac.

Mat Zin dikenakan hukuman itu kerana mengingkari arahan MT dan ibu pejabat parti supaya menerima permohonan bekas anggota Parti Semangat Melayu 46 (S46) menjadi anggota bahagian berkenaan.

Mesyuarat malam ini juga akan membincangkan persiapan persidangan perwakilan bahagian yang kali ini menyaksikan pemilihan dan perjalanan mesyuarat agung tahunan cawangan, yang sedang berlangsung sekarang.

Mesyuarat agung tahunan bermula pada 12 Feb hingga 15 Mac ini dan tiada pemilihan diadakan kerana pemilihan pucuk pimpinan cawangan telah diadakan tahun lepas. -- BERNAMA

SJA RI